



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.4 (105)

Tarikh : 2 Jun 2015

SIARAN MEDIA

PENGUATKUASAAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 [AKTA 757]

Putrajaya, 2 Jun 2015- Penguatkuasaan Akta Pengurusan Strata 2013 [AKTA 757] telah diwartakan berkuatkuasa **1 Jun 2015**. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) telah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen pada **November 2012**. Akta ini telah mendapat perkenan Yang Dipertuan Agong pada **5 Februari 2013**.

Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) digubal untuk memastikan keseragaman undang-undang dan dasar berkenaan kerajaan tempatan berhubung dengan pengurusan bangunan berstrata dan harta bersama. Ia bermula dari peringkat penyerahan milikan kosong sehingga ke peringkat selepas perbadanan pengurusan diwujudkan.

Statistik terkini penduduk strata di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan merangkumi 15,731 dengan jumlah petak sebanyak 1,414,024 unit. Jumlah penduduk strata adalah lebih kurang sebanyak 5.6 juta orang (19% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia). Seiring dengan pembangunan berkonsepkan bangunan berstrata yang semakin banyak oleh kerana disebabkan harga tanah yang semakin tinggi dan ruang tapak pembangunan tanah yang semakin terhad., Kerajaan melihat terdapatnya keperluan agar Akta berkaitan Strata dikuatkuasa.

Dengan penguatkuasaan Akta ini, banyak kelebihan dan kebaikan yang dapat diperolehi. Akta Pengurusan Strata 2013 [AKTA 757] ini akan menyelesaikan banyak masalah terutama dari sudut penguatkuasaan pengurusan komuniti strata dan penyenggaraan bangunan berstrata.

Akta 757 telah ditambahbaik dari aspek-aspek berikut:

- a. Undang-undang yang lebih komprehensif

- b. Pemfailan jadual petak kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB)
- c. Jawatan Timbalan COB diwujudkan
- d. Tribunal Pengurusan Strata diwujudkan
- e. Peruntukan penguatkuasaan komprehensif dan kadar penalti bagi setiap kesalahan dinaikkan
- f. Penyediaan formula unit syer
- g. Peruntukan berkenaan penubuhan perbadanan pengurusan subsidiari dan harta bersama terhad
- h. Penyelarasan kaedah mesyuarat agung
- i. Penyelarasan kaedah peralihan badan (Pemaju/JMB/MC)
- j. Penyeragaman kaedah-kaedah pelaksanaan
- k. Peruntukan kutipan caj penyenggaraan daripada penyewa
- l. Proviso Menteri untuk pengecualian
- m. Prosedur khusus insuran bangunan
- n. Mekanisma rayuan yang seragam

Akta Pengurusan Strata 2013 [AKTA 757] ini boleh di dapati melalui laman web Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) (www.kpkt.gov.my)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my